

09 MAR 1999

JAWATANKUASA AUSTRALIA ARAH SIASAT DANA LINDUNG NILAI

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 9 Mac (Bernama) -- Sebuah Jawatankuasa Parlimen Australia telah meminta Bank Rizab Australia dan Pihak Berkuasa Peraturan Prudential Australia menjalankan siasatan terhadap aktiviti dana lindung nilai.

Pengerusi jawatankuasa itu, David Hawker, MP, telah ikut menyuarakan sentimen Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau memberitahu Parlimen semalam bahawa dana lindung nilai amat membimbangkan pihak berkuasa kewangan nasional dan antarabangsa serta kerajaan-kerajaan.

"Dana lindung nilai telah menjana sumber baru kepada ketidakstabilan kewangan dalam ekonomi dunia," kata Hawker.

Jawatankuasa parlimen itu mencadangkan agar siasatan oleh Bank Rizab itu menentukan saiz dana lindung nilai dan mengadakan semakan oleh bank-bank mengenai hubungan mereka dengan dana lindung nilai.

Ia juga meminta agar langkah-langkah tertentu diperkenalkan untuk mendedahkan dana lindung nilai dan kemungkinan mengadakan penyeliaan.

-- BERNAMA

NDC RHM